

01 AUG 2003

Mahathir-Jactim

DR MAHATHIR HARAP JACTIM TERUS BERKHIDMAT KEPADA USAHAWAN JEPUN DI SINI

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir semasa menyuarakan keyakinannya bahawa Malaysia akan terus menjadi sahabat baik Jepun berkata beliau berharap Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia Jepun (Jactim) akan terus memainkan peranannya untuk berkhidmat kepada masyarakat usahawan Jepun di negara ini.

Beliau berkata Jactim memainkan peranan penting dalam membantu kalangan masyarakat tersebut, di samping membantu kerajaan Malaysia menyediakan sebarang keperluan mereka.

"Kita berharap agar kerjasama rapat dengan Jepun akan diteruskan, dan saya pasti Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri seterusnya akan meneruskan kerjasama dengan Jactim. Dan Malaysia akan terus menjadi kawan baik dengan Jepun untuk mendapatkan manfaat dari industri dan perdagangannya," katanya.

"Kita mungkin tidak boleh menjadi seperti negara Jepun, tapi pada satu peringkat, kita sudah menerima (manfaat) dan terus menerimanya," katanya semasa berucap pada majlis Makan Malam Sempena Ulang Tahun ke-20 Jactim di sebuah hotel di Seri Kembangan di sini malam ini.

Semasa mengucapkan tahniah kepada pasukan yang berjaya melangkah sehingga memasuki dekad kedua, Dr Mahathir berkata Jactim telah memainkan peranan penting memastikan Malaysia dikenali sebagai sebuah negara industri yang sedang membangun.

Beliau berkata usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara industri berjaya dilaksanakan hasil pelaburan negara Jepun, serta minat mendalam para usahawan dan syarikat mereka dengan negara ini, dan beliau menambah pada permulaannya, banyak negara merasa sangsi sekiranya ia akan berjaya.

Bagaimanapun katanya, masyarakat usahawan Jepun merupakan pihak yang mula menyedari bahawa pekerja Malaysia juga boleh bekerja sebaik pekerja Jepun.

"Sejak itu, banyak pelaburan Jepun dibuat di Malaysia dan syarikat besar Jepun mulai menjejak kaki kesini, ...sudah pasti mulanya untuk berdagang, tapi kemudiannya mengambil keputusan untuk melabur di Malaysia. Ia adalah selaras dengan rancangan pembangunan Malaysia," katanya.

Perdana Menteri berkata Jepun yang datang untuk melabur di sini telah mengajar Malaysia cara-cara menjadi sebuah negara perindustrian memandangkan Malaysia adalah sebuah negara berasaskan pertanian dan tidak mempunyai kepakaran dalam sektor pembuatan serta tidak memiliki kemahiran dalam bidang pengurusan ketika itu.

Menurutnya sebagai sahabat istimewa negara, Jepun mempunyai hubungan kerjasama yang baik dengan Malaysia selama ini.

Sambil memuji kejayaan Jepun untuk membangun dengan pesat, Dr Mahathir berkata kejayaan Malaysia di dorong oleh keupayaan Jepun untuk kembali pulih selepas Perang Dunia Kedua.

"Saya berada di Jepun awal selepas perang, dan ketika itu Jepun masih belum membangun dan diambang kemusnahan disebabkan oleh perang. Syarikat-syarikat Jepun pula bergerak secara perlahan," katanya.

"Pada masa itu, masih ada anggapan bahawa barang Jepun murah dan tidak bermutu, tapi Jepun perlahan-lahan mengatasi anggapan berat sebelah keatas produknya itu dan dengan pantas kita lihat bagaimana Jepun berjaya, bukan sahaja untuk kembali pulih, tapi juga untuk membangun dengan pantas dan berlumba untuk menyaingi dengan negara-negara perindustrian di barat," katanya.

Meninjau kepada perkara tersebut, Malaysia mengambil keputusan untuk mengikut jejak langkahnya dan tahu bahawa ia boleh banyak belajar bagaimana Jepun menjadi maju dan berjaya mengatasi kesan akibat perang serta untuk menukar imej produk Jepun.

Ini merupakan kejayaan yang dicatatkan oleh Jepun selepas perang, dan oleh itu Malaysia mengambil keputusan untuk memperkenalkan polisi Pandang Ke Timur sebagai usaha untuk belajar falsafah perdagangan dan etika kerja.

Dengan mempercayai bahawa pemulihan Jepun adalah disebabkan oleh etika kerja dan falsafah perdagangan, Perdana Menteri berkata oleh itu "adalah logik bagi Malaysia untuk memandang kepada Jepun dan mencontohinya".

"Kita tahu bahawa cara Jepun menjalankan urusannya adalah berbeza dari Eropah atau Amerika. Jepun nampak lebih menumpukan usaha untuk mendapatkan bahagian pasaran dan mendapatkan keuntungan berbanding dengan pengusaha Eropah yang lebih suka membuat untung lebih banyak dan menguasai bahagian pasaran yang lebih besar tanpa mengambil kira lain-lain perkara," katanya.

Dr Mahathir turut menyuarakan penghargaan kepada kerajaan Jepun yang memberikan maklum balas yang baik terhadap Polisi Pandang Ke Timur dan bersedia menerima Malaysia yang ingin belajar dari mereka.

Sementara itu Presiden Jactim, Tan Sri Dr Kazumasa Suzuki, berkata Dewan itu telah berjaya memupuk kerjasama yang baik antara rakyat Malaysia dan Jepun.

Beliau berkata pada tahun 1993, terdapat hanya 121 syarikat Jepun di negara ini, tapi jumlah itu telah meningkat menjadi 544 akhir tahun lepas.

Beliau berkata pada masa ini kira-kira 220,000 pekerja Malaysia bekerja dengan syarikat-syarikat Jepun, dan ia mewakili 10 peratus daripada jumlah keseluruhan jumlah pekerja di Malaysia.

Dr Mahathir berkata nilai Pelaburan Asing (FDI) Malaysia yang dibawa masuk oleh Jepun berjumlah RM40 juta pada akhir tahun 2002, iaitu 20 peratus daripada jumlah keseluruhan FDI di Malaysia ketika itu.

Suzuki berkata syarikat Jepun menikmati manfaat dan polisi ekuiti asing yang liberal, terutama dalam sektor pembuatan yang disediakan kerajaan.

Sempena ulang tahun Jactim ke-20, Yayasan Jactim telah menyumbang RM100,000 kepada Persatuan Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAKTI) sebagai sebahagian daripada usaha berterusannya untuk meningkatkan taraf hidup dan kualiti golongan yang tidak bernasib baik.

Cek itu diserahkan oleh Suzuki kepada isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, yang juga adalah Presiden BAKTI.

Jactim yang ditubuhkan pada tahun 1983 diwujudkan untuk memupuk hubungan kerjasama ekonomi antara Malaysia dan Jepun dalam perdagangan antarabangsa, perdagangan, industri dan pelaburan serta menjaga kepentingan syarikat Jepun disamping pelaburannya memupuk semangat persahabatan dan kerjasama antara syarikat anggota.

Dr Mahathir adalah pengasas Jactim, bersama-sama dengan bekas Perdana Menteri Jepun Yasuhiro Nakasone.

-- BERNAMA

HS MR AZH